



14 OCT, 2022

Cradle wujudkan lebih 2,400 syarikat

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Cradle wujudkan lebih 2,400 syarikat

KUALA LUMPUR - Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle) telah mewujudkan lebih 2,400 syarikat pemula niaga sejak pelancaran program MYStartup pada Februari tahun ini, kata Naib Presiden Kanan Pembangunan Ekosistem Cradle, Ahmad Kashfi Alwi.

Beliau berkata, program MYStartup memainkan peranan penting dalam membantu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mencapai sasaran untuk mewujudkan 5,000 syarikat pemula niaga menjelang akhir 2025.

Ahmad Kashfi berkata, dana itu sedang gigit berusaha untuk mendapatkan lebih banyak syarikat pemula niaga yang berkualiti dan mengurangkan bilangan syarikat baharu yang berhenti daripada program itu.

“Sasaran dalaman kami adalah untuk mendapatkan lebih ramai peserta menyertai program MYStartup dan mendapatkan lebih banyak syarikat pemula niaga yang berkualiti serta mengurangkan keciciran daripada program tersebut. Pada asasnya kami mahu melihat lebih banyak syarikat pemula niaga mendapat pelaburan pendanaan daripada pelabur.

“Melihat trajektori pertumbuhan, kami cukup yakin dan percaya bahawa kami mampu mencapai sasaran 5,000 syarikat pemula niaga men-

**AHMAD KASHFI**

jelang 2025 kerana kami telah berjaya mendapatkan 2,400 syarikat pemula niaga sejak pelancaran program MYStartup. Saya percaya kami berada di landasan yang betul,” katanya kepada media selepas pelancaran Program Pre-Accelerator MYStartup Kohort 2 di sini, pada Khamis.

Pelancaran Program Pre-Accelerator MYStartup Kohort 2 itu adalah lanjutan kejayaan program Kohort 1, yang berakhir pada September 2022.

Kumpulan baharu itu menerima sejumlah 126 permohonan, dan 40 syarikat pemula niaga peringkat awal teratas yang dipilih akan menjalani program latihan selama enam bulan.

Program Pre-Accelerator MYStartup adalah sebahagian daripada Strategi MYStartup yang lebih besar bertujuan meningkatkan ekosistem syarikat pemula niaga tempatan ke peringkat seterusnya dengan menyediakan pembiayaan pertumbuhan, sumber dan bimbingan kepada mereka.

Tambah Ahmad Kashfi berkata, Cradle berharap Program Pre-Accelerator MYStartup akan dapat meningkatkan dan memperkasakan syarikat pemula niaga dengan kepintaran perniagaan dan kepakaran kewangan sambil menghubungkan mereka dengan rangkaian dan sumber yang sangat diperlukan. - *Bernama*



14 OCT, 2022

Cradle wujudkan lebih 2,400 syarikat

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR - Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle) telah mewujudkan lebih 2,400 syarikat pemula niaga sejak pelancaran program MYStartup pada Februari tahun ini, kata Naib Presiden Kanan Pembangunan Ekosistem Cradle, Ahmad KashfiAlwi. Beliau berkata, program MYStartup memainkan peranan penting dalam membantu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mencapai sasaran untuk mewujudkan 5,000 syarikat

AHMAD KASHFI

2025 kerana kami telah berjaya mendapatkan 2,400 syarikat pemula niaga sejak pelancaran program MYStartup.